

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil Kementerian bagi menyekat pinjaman wang haram (*Loan shark*), judi haram terutamanya judi siber yang semakin berleluasa dan merosakkan masyarakat terutamanya golongan belia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) prihatin dengan isu berkaitan dengan pinjaman wang bagi golongan yang berpendapatan rendah (B40) seperti peniaga-peniaga kecil dan golongan belia yang memerlukan pinjaman wang untuk kelangsungan hidup.
2. Pihak KPKT berusaha untuk membanteras isu pinjaman wang haram daripada peminjam wang tidak berlesen ini dengan beberapa inisiatif yang telahpun dilaksanakan pada 5 April 2019. Antaranya ialah dengan penjenamaan semula nama baharu bagi kesemua syarikat Pemberi Pinjam Wang (PPW) berlesen yang kini dikenali sebagai syarikat Kredit Komuniti.

3. Ini adalah kerana KPKT ingin meningkatkan kesedaran orang ramai berkenaan peranan golongan PPW berlesen di bawah KPKT sebagai PPW yang sah dan dikawal selia di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400). KPKT turut melancarkan papan tanda baharu dengan logo Kredit Komuniti yang dilengkapi dengan *QR Code*. Dengan adanya penyelarasan papan tanda ini, orang ramai lebih mudah mengenali mana-mana syarikat Kredit Komuniti yang berlesen dan bertujuan untuk membezakan syarikat Kredit Komuniti dengan Ah Long yang beroperasi secara haram. Papan tanda ini akan diguna pakai oleh semua syarikat Kredit Komuniti baharu yang bakal menerima lesen daripada KPKT. Manakala bagi syarikat Kredit Komuniti yang telah beroperasi, mereka diwajibkan untuk mengguna pakai papan tanda tersebut semasa pembaharuan lesen dibuat. Penggunaan papan tanda baharu ini sedang dilaksanakan secara berperingkat pada tahun ini.

4. KPKT juga telah melancarkan aplikasi mudah alih i-Kredikom yang bertujuan untuk memudahkan orang awam membuat carian syarikat Kredit Komuniti yang berlesen di Semenanjung Malaysia. Selain itu, para pengguna i-Kredikom juga boleh membuat aduan dan semakan aduan melalui aplikasi tersebut serta mendapatkan penerangan berkenaan hak sebagai peminjam dan jenis-jenis kesalahan di bawah Akta 400 dan Peraturan Pemberi Pinjam Wang 1951.

5. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak KPKT juga telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan mana-mana pihak berkepentingan dari semasa ke semasa seperti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan syarikat Kredit Komuniti bagi menangani isu-isu berkaitan dengan syarikat Kredit Komuniti. KPKT juga bekerjasama dengan Jabatan Siasatan dan Kegiatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia bagi membanteras kegiatan Ah Long yang telahpun dilaksanakan sejak 28 Disember 2006.

6. Sehubungan itu, KPKT sentiasa prihatin dan bersedia untuk membantu masyarakat sekiranya ada yang telah menjadi mangsa penipuan atau menerima ugutan dari mana-mana pemberi pinjam wang tidak berlesen. Mangsa ataupun mana-mana pihak yang berkenaan adalah dinasihatkan untuk membuat laporan polis di mana-mana balai polis yang berdekatan dan pihak KPKT juga akan merujuk kes-kes sebegini ke PDRM untuk tindakan sewajarnya.

7. Manakala berhubung judi haram termasuk judi siber, pihak PDRM, khususnya Jabatan Siasatan Jenayah amat peka dan sensitif kepada isu-isu permasalahan perjudian dalam talian yang semakin berleluasa di dalam negara. Kawalan dan tindakan penguatkuasaan ke atas aktiviti perjudian dalam talian dilaksanakan melalui usaha menggubal akta dan peraturan sedia ada di negara ini agar bertambah baik pada masa hadapan. PDRM sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah ini.

8. Beberapa langkah telah diambil oleh pihak PDRM terutamanya Bahagian D7, di peringkat Bukit Aman, Kontinjen dan Daerah untuk mengesan serta membanteras kegiatan yang dijalankan oleh individu-individu perseorangan mahupun kumpulan sindiket yang boleh menjejaskan imej negara. Antara langkah-langkah yang dijalankan ialah:

- (a) Mengambil tindakan ke atas pemain, penjaga premis dan penganjur kegiatan perjudian haram di bawah peruntukan Akta Rumah Judi Terbuka 1957 (ARJT) dan Akta Pertaruhan 1953;
- (b) Mengenal pasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan perjudian dalam talian dan mendakwa mereka di bawah undang-undang yang berkaitan serta mengkaji kemungkinan mengambil tindakan alternatif di bawah Undang-undang Pencegahan (POCA) serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan

Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001 jika tiada keterangan kukuh untuk dituduh di Mahkamah;

- (c) Meningkatkan serbuan secara berterusan serta bekerjasama dengan lain-lain agensi kerajaan termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam usaha bersungguh-sungguh membanteras kegiatan haram ini; dan
- (d) Membuat permohonan kepada pihak TNB dan SYABAS di bawah Seksyen 21A (A) ARJT 1953 untuk tindakan permotongan bekalan elektrik dan bekalan air terhadap premis yang degil dan masih mengulangi kesalahan yang sama.

Sekian, terima kasih.